**KENYATAAN AKHBAR**
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

# SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 14 JUN 2020

## STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **35 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **7,346** kes (86.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

## STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 14 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **lapan (8) kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,453 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 telah kurang daripada 1,000 kes, iaitu 986 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada lapan (8) kes baharu yang dilaporkan, dua (2) kes adalah kes import yang mendapat **jangkitan di luar negara** melibatkan bukan warganegara yang merupakan pemastautin tetap. Daripada enam (6) kes **penularan di dalam negara**, empat (4) kes adalah bukan warganegara manakala dua (2) kes adalah di kalangan warganegara Malaysia.

Kesemua empat (4) kes jangkitan dalam negara di kalangan bukan warganegara adalah daripada Kluster Tapak Pembinaan Kuala Lumpur 2.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara di kalangan **warganegara Malaysia** (2 kes) pula adalah seperti berikut:

- Satu (1) kes saringan klinikal kes *Influenza Like Illness* (ILI) di Bintulu, Sarawak;
- Satu (1) kes saringan pusat jagaan warga emas di Melaka Tengah.

Sehingga kini, sebanyak empat (4) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Tiada kes yang memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **121 kes** (1.43 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-121 (kes ke-7468) merupakan lelaki warganegara India (orang kena tahan (OKT) di Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil. Beliau berumur 67 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan penyakit buah pinggang. Beliau telah didapati tidak sedarkan diri di DTI Bukit Jalil dan telah segera dibawa ambulans ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau disahkan meninggal dunia pada 12 Jun 2020. Saringan ujian COVID-19 didapati positif dan keputusan penuh bedah siasat masih dalam proses.

KKM mengucapkan takziah kepada keluarga beliau.

**SAMBUTAN HARI PENDERMA SEDUNIA, 14 JUN 2020**

Pada hari ini iaitu 14 Jun setiap tahun, seluruh dunia menyambut Hari Penderma Darah Sedunia. Hari ini merupakan hari yang amat bermakna bagi penderma darah, penganjur kempen derma darah, dan kita semua. Peranan penderma darah dan penganjur kempen derma darah adalah amat besar. Melalui sumbangan mereka inilah, ramai nyawa insan dapat diselamatkan.

Secara purata, sebanyak 2,000 beg darah telah didermakan oleh rakyat Malaysia digunakan untuk membantu 1,000 pesakit setiap hari. KKM amat berbangga dan berterima kasih kepada rakyat Malaysia yang menderma dan menyumbang kepada aktiviti-aktiviti pendermaan darah.

Teruskan usaha murni anda. KKM juga mengalukan orang ramai agar terus tampil menderma darah serta menganjurkan kempen-kempen derma darah. Dengan itu daripada pihak KKM, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Penderma Darah Sedunia kepada semua penderma darah dan penganjur kempen derma darah di seluruh negara.

*“Safe Blood Saves Lives”,*

*“Give Blood and Make the World a Healthier Place.”*

## NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Orang awam secara amnya juga sentiasa diingatkan untuk sentiasa mengamalkan nasihat kesihatan yang kerap kali diingatkan oleh KKM iaitu:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.

- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
    - Elak bersalaman / bersentuhan;

- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, sentiasa ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial *(social distancing)* diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**
14 Jun 2020 @ 5.00 petang

**LAMPIRAN 1**

## BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 14 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)

| NEGERI | BILANGAN KES BAHARU *( ) | BILANGAN KES KUMULATIF |
|---|---|---|
| PERLIS | 0 | 18 |
| KEDAH | 0 | 96 |
| PULAU PINANG | 0 | 121 |
| PERAK | 0 | 257 |
| SELANGOR | 2 (2) | 1,996 |
| NEGERI SEMBILAN | 0 | 957 |
| MELAKA | 1 | 253 |
| JOHOR | 0 | 680 |
| PAHANG | 0 | 365 |
| TERENGGANU | 0 | 111 |
| KELANTAN | 0 | 156 |
| SABAH | 0 | 358 |
| SARAWAK | 1 | 557 |
| W.P. KUALA LUMPUR | 4 | 2,414 |
| W.P. PUTRAJAYA | 0 | 97 |
| W.P. LABUAN | 0 | 17 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **8 (2)** | **8,453** |

*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import